

## **Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Daerah Besut, Terengganu**

oleh

**Hj. Mohd Bakari Bin Zakaria**  
**Hatta Bin Ismail**  
**Mohamad Bin Abdullah**  
Jabatan Kemahiran Hidup  
Institut Perguruan Sultan Mizan

### **ABSTRAK**

*Mata pelajaran Kemahiran Hidup (KH) adalah bagi membolehkan murid memperolehi kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja-buat-sendiri, mereka cipta dan cenderung berurusniaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti sejauh manakah mata pelajaran KH ini dilaksanakan mengikut penjadualan yang telah ditetapkan. Kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat sama ada kurikulum pendidikan KH mempengaruhi perkembangan JERI murid. Pengkaji juga ingin mengetahui apakah sebab-sebab mata pelajaran KH tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Kajian ini dijalankan di dua puluh empat buah sekolah sekitar Daerah Besut melibatkan 48 responden yang telah dipilih secara rawak mudah. Borang soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian pertama pandangan responden terhadap pelaksanaan KH di sekolah dan bahagian kedua pengaruh kurikulum pendidikan KH terhadap perkembangan JERI murid. Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk frekuensi dan peratus sahaja dengan menggunakan SPSS V 12. Hasil Kajian menunjukkan dari aspek pelaksanaan KH di dapati 94.3% responden bersetuju ia dilaksanakan mengikut perancangan.*

### **PENGENALAN**

Bab ini membincangkan secara umum tentang latar belakang, permasalahan, tujuan, persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Bab ini dibahagikan kepada 8 bahagian kecil. Bahagian 1.1 menghuraikan latar belakang kajian, bahagian 1.2 menghuraikan pernyataan masalah dan bahagian 1.3 menjelaskan tujuan kajian. Rasional kajian dihuraikan dalam bahagian 1.4 dan bahagian 1.5 membincangkan persoalan kajian. Bahagian 1.6 membincangkan definisi istilah dan bahagian 1.7 memberikan batasan kajian.

#### **Latar Belakang Kajian**

Sejak negara ini mencapai kemerdekaan, sektor pendidikan sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Peruntukan yang banyak telah disalurkan untuk memajukan sektor ini agar masalah buta huruf dapat diatasi. Wan Azmi (1993), menyatakan tujuan Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk mendidik rakyat Malaysia supaya mereka menjadi warganegara yang berpengetahuan, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih

baik serta memenuhi kehendak-kehendak negara, Ini selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Proses pendidikan merangkumi segala pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh seseorang sejak zaman kanak-kanak dalam situasi yang formal iaitu di sekolah atau institusi-institusi lain (Robiah, 1989).

Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk mengadakan pendidikan kemahiran hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Perkembangan ini juga adalah ekoran daripada pendapat ramai bahawa sistem pendidikan di Malaysia ketika itu sudah tidak sesuai lagi kerana terlalu banyak memberi tekanan kepada mata-mata pelajaran akademik dan peperiksaan sahaja.

Oleh yang demikian, mata pelajaran KH telah dimasukkan dalam satu kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan pada masa itu. Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk merancang satu sukatan pelajaran KH untuk Tahun III hingga VI yang dinamakan Tahap Dua. Program KBSR ini telah diuji pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah yang terpilih dan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 1983. Maka, tahun 1983 merupakan detik sejarah yang amat penting bagi mata pelajaran KH di Malaysia (Johami, 1993).

Pelancaran Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1982 telah memartabatkan mata pelajaran KH sebagai mata pelajaran yang wajib di semua sekolah rendah. Adalah menjadi harapan besar semua pihak terhadap pelaksanaannya, maka ukuran untuk menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang tidak boleh diabaikan. Keadaan ini menjadikan kanak-kanak berasa senang dan memberi respon secara spontan dalam melahirkan ekspresi diri. Kecenderungan seperti ini apabila dikendalikan dengan baik, memainkan peranan yang efektif dalam proses perkembangan diri kanak-kanak.

Dalam sukatan pendidikan KH Kursus Diploma Perguruan Malaysia (2002) digubal berdasarkan kepada perkembangan terkini dalam dunia keguruan di Malaysia. Perkembangan ini berdasarkan faktor realiti dan keperluan semasa bagi sekolah rendah di samping memenuhi cita-cita dan aspirasi wawasan bangsa Malaysia. Penggubalan sukatan ini selaras dengan penggubalan Sukatan Pendidikan KH Sekolah Rendah.

Oleh yang demikian, pelaksanaan mata pelajaran KH wajib dilaksanakan bagi mencapai impian yang diharapkan dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Dari kesimpulan yang kita perolehi bahawa pelaksanaan mata pelajaran KH wajib dilaksanakan seperti mana yang terdapat dalam kurikulum yang telah dilancarkan sepenuhnya pada tahun 1983. Kajian ini sangat perlu untuk melihat pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah seperti mana yang termaktub dalam kurikulum dan impian merelisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### **Pernyataan Masalah**

Kemahiran Hidup merupakan Mata Pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua murid dari tahun 4 hingga tahun 6. Ia dirancang sedemikian rupa untuk

mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (KPM, 2002).

Pembelajaran Kemahiran secara jelas melatih pelajar mempertingkatkan kemahiran kognitif, psikomotor dan efektif secara bersepadu, dan ini sangat penting demi menjayakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjurus kepada pembinaan insan yang harmoni dan dapat memberikan sumbangan kepada negara, masyarakat dan keluarga.

Namun daripada tinjauan yang dibuat didapati mata pelajaran ini tidak diambil berat dan sentiasa 'terganggu' dengan pengisian mata pelajaran peperiksaan di atas banyak sebab atau alasan yang tertentu.

Dato' Seri Dr. Abdul Shukor bin Abdullah (2000) menyatakan bahawa pendidikan KH yang dijalankan di sekolah memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertataetika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan.

Pendidikan KH ialah mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan asas ketukangan, perkebunan, jahitan dan perniagaan serta memberi murid pengalaman menghasilkan projek yang mudah (KBSR KH, 2000).

Namun daripada maklumbalas yang pengkaji dapat hasil dari perbincangan dengan peserta Kursus Pendek Kelolaan Maktab anjuran Maktab Perguruan Sultan Mizan, Besut, Terengganu pada tahun 2004 dan 2005 yang terdiri daripada guru-guru KH daerah Besut, didapati pelaksanaan mata pelajaran KH sering 'terganggu' dengan pengisian mata pelajaran peperiksaan di atas banyak sebab yang tertentu.

### **Rasional Kajian**

Kajian ini penting kerana ianya dapat melihat sejauhmanakah pelaksanaan mata pelajaran KH dijalankan mengikut penjadualan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Matlamat pendidikan KH bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang asas tentang KH, mempunyai kemahiran minimum dalam penghasilan projek mudah, berpontensi dalam aspek kreativiti dan inovasi, dapat menghargai dan menikmati estetika dan dapat mengamalkan nilai murni (KBSR KH, 2000). Ianya juga bertujuan untuk menjadi satu mata pelajaran yang dapat menyeimbangkan JERI murid seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan penerimaan minda terhadap mata pelajaran lain.

Disamping itu juga, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat yang amat berguna kepada bakal guru KH dalam persediaan diri untuk menjadi seorang guru KH yang lebih baik dan bersedia dengan pelbagai cabaran di sekolah nanti.

Jadi seharusnya dapatan kajian ini memberi kesedaran kepada bakal guru betapa pentingnya menimba pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya di maktab sebelum ditempatkan di sekolah nanti.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pihak Guru Besar dan Guru KH tentang betapa pentingnya pelaksanaan mata pelajaran KH perlu dijalankan mengikut penjadualan yang telah di tetapkan oleh pihak sekolah.

Dapatan kajian ini juga dapat membantu Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah dalam membuat pemantauan aspek-aspek yang penting bagi proses pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah.

Kajian ini juga diharapkan akan dapat memberi maklumat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meningkatkan lagi penegasan dalam pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah bagi merelisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan demi melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Diharap kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya pelaksanaan mata pelajaran KH perlu dijalankan di sekolah.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah dalam merealisasikan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Secara khusus kajian ini adalah untuk:

- Melihat sejauh manakah mata pelajaran KH dilaksanakan mengikut penjadualan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.
- Mengenal pasti sebab-sebab mata pelajaran KH tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah. Soalan-soalan kajian ialah:

- Sejauh manakah mata pelajaran KH dilaksanakan mengikut penjadualan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah?
- Adakah mata kurikulum pendidikan KH mempengaruhi perkembangan JERI murid?
- Apakah sebab-sebab mata pelajaran KH tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah?

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana ianya dapat melihat pentingnya mata pelajaran kemahiran hidup dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dengan adanya kajian ini nanti, diharapkan ianya dapat memberikan maklumat penting kepada :

- a. Pihak pentadbir untuk mengambil tindakan sewajarnya demi meningkatkan pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah.
- b. Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah harus sentiasa membuat pemantauan dalam menjayakan pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah.

- c. Guru KH dapat memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan mata pelajaran kemahiran hidup di sekolah.
- d. Memberi kesedaran kepada Guru Mata Pelajaran betapa pentingnya pelaksanaan mata pelajaran KH dalam melahirkan insan yang seimbang.

### **Definisi Istilah**

Dalam kajian ini beberapa definisi telah diberikan terhadap istilah-istilah utama seperti yang dihuraikan di bawah :

#### **a. Pelaksanaan**

- Menjalankan seperti mana yang telah dirancang. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan muzik di sekolah rendah hendaklah dijalankan seperti mana yang termaktub dalam kurikulum muzik yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

#### **b. Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

- Mata pelajaran yang diajar pada Tahap Dua (Darjah IV, V,VI) di sekolah rendah. Ia merangkumi aspek persepsi pengalaman, psikomoto, kreatif, inovatif dan penghargaan estetik.

#### **c. Guru Besar**

- Individu yang bertanggungjawab mentadbir pengurusan sekolah.

#### **d. Guru Kemahiran Hidup**

- Individu yang dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengajar mata pelajaran KH di sekolah rendah.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Pendahuluan**

Bab kedua membincangkan beberapa pandangan dan penulisan yang berkisar mengenai detik bermulanya mata pelajaran KH dan kepentingannya pelaksanaan mata pelajaran KH yang dijalankan di sekolah. Bab ini akan dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian 2.1 membincangkan pendahuluan 2.2 teori/ model/ kerangka konseptual 2.3 tinjauan am 2.4 kerelevanan dengan persoalan kajian dan 2.5 rumusan.

### **Kerangka Konseptual**

Dalam sukatan mata pelajaran KH Kursus Diploma Perguruan Malaysia (2002) menyatakan bahawa model konseptual guru dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru yang menekankan kepentingan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang. Ianya mengutamakan kepada tiga dimensi utama iaitu sendiri, kemasyarakatan dan ketuhanan. Citra ketiga-tiga dimensi ini dijelmakan dalam program yang dirancang seperti berikut :

### **1. Ketuhanan**

- Menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama.

### **2. Kemasyarakatan**

- Menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin dan sebagai agen perubahan.

### **3. Kendiri**

- Menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, model ini menggambarkan suatu usaha membina kekuatan dan ketahanan diri individu pelajar berasaskan kepatuhan kepada Tuhan dan kesejahteraan bermasyarakat. Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum yang menyepadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran ikhtisas dan amalan-amalan nilai-nilai kemanusiaan (BPG, 2002).

Mok dan Lee (1986) menyedarkan semua lapisan masyarakat harus mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap Kurikulum Baru Sekolah Rendah kerana penggubalan dan pelaksanaannya adalah menyeluruh, meliputi semua peringkat di sekolah rendah serta melibatkan semua mata pelajaran. Mok dan Lee (1986) juga memahami bahawa matlamat Kurikulum Baru Sekolah Rendah ialah memberi pendidikan secara menyeluruh kepada kanak-kanak supaya mereka dapat meninggikan sifat-sifat peribadi, akhlak, moral, agama, kesenian, kebudayaan dan kesihatan, sama dengan pengetahuan dan kemahiran dalam perkembangannya.

Menyedari akan pentingnya pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah, semua pendidik harus sentiasa peka dan sedar tentang perkembangan-perkembangan baru dan isu-isu semasa dalam arena pendidikan. Perkara ini lebih mustahak dalam mata pelajaran KH di Malaysia yang kini sedang giat berubah dengan kemunculan beberapa masalah serta cabaran untuk golongan guru KH. Segala perubahan dan perkembangan baru itu harus disedari, difahami, dan dikaji secara rasional oleh guru-guru KH supaya mereka dapat menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran semasa dalam bidang ini dengan menerima dan mencuba kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan dalam pedagogi KH yang mungkin berbeza atau dipersepsi sebagai yang baru. Dalam hal ini cita rasa dan aspirasi rakyat Malaysia seperti terkandung dalam Rukun Negara dan Wawasan 2020, tidak akan diketepikan (Johami, 1993).

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, kurikulum pendidikan KH KBSR yang digubal semula mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan

datang. Dalam usaha memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran satu semakan semula telah dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Penyemakan kurikulum bertujuan memantapkan Akta Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan warga Malaysia menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21 (Sukatan Pelajaran KH KBSR, 2000). Diharap dengan penyemakan semula ini akan memantapkan lagi proses pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah.

## **METODOLOGI**

### **Pendahuluan**

Dalam bab ketiga ini, penyelidik menerangkan tentang kajian ini dilakukan. Ia mengandungi 3.1 pendahuluan, 3.2 reka bentuk kajian, 3.3 instrumen kajian 3.4 kesahan dan kebolehpercayaan dan 3.5 cara menganalisis kajian.

### **Reka Bentuk Kajian**

Rekabentuk yang akan digunakan bagi mendapatkan maklumat yang paling tepat untuk setiap objektif yang diutarakan ialah berbentuk deskriptif kuantitatif. Kajian berbentuk deskriptif akan dapat memberikan gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang (Wiersma, 1995)

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kuantitatif. Kaedah analisis data digunakan untuk mendapat dan mengesahkan maklumat dari responden. Seramai 48 orang responden dikenal pasti untuk mendapat maklumat-maklumat.

- (i) 48 orang guru yang mengajar mata pelajaran KH dari 24 buah sekolah dari daerah Besut, Terengganu. Respons yang diberikan oleh Guru Besar diberi penanda GKH 1 - GKH 48 dalam setiap pelaporan dalam dapatan kajian.
- (ii) Guru KH dari 24 buah sekolah ini dipilih 2 orang dari setiap sekolah. Sekiranya lebih dari 2 pihak Guru Besar di beri hak untuk memilih 2 sahaja.

### **Instrumen Kajian**

Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian I pelaksanaan mata pelajaran KHSR . Bahagian II pula soal selidik berkaitan dengan pengaruh kurikulum pendidikan KH terhadap perkembangan JERI murid.

### **Persampelan**

Sampel kajian terdiri daripada 48 Guru KH sekolah-sekolah rendah daerah Besut Terengganu tahun 2007. Ianya mewakili 24 buah sekolah rendah di daerah Besut, Terengganu yang dipilih secara rawak.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Ketiga-tiga pengkaji jabatan telah pergi ke sekolah mengikut sekolah masing-masing yang telah dipilih secara rawak. Penyelidik juga berbincang dengan responden yang bukan pengkhususan KH tetapi mengajar mata pelajaran KH. Selepas responden faham maksud kajian ini mereka di beri soal selidik. Jika siap pengkaji mengumpul terus data tetapi jika guru berkenaan tiada di sekolah pada minggu itu kerana berkursus dan lain-lain aktiviti luar sekolah maka pengkaji berbincang dengan guru besar untuk memungutnya diminggu-minggu yang akan datang.

### Pemerosesan dan Analisis Data

Item soal selidik akan disemak dan dianalisis menggunakan SPSS Versi 12.0 bagi mendapatkan frekuensi dan peratus.

### DAPATAN KAJIAN

Jadual 1. Bilangan Guru Yang Mengajar KH Mengikut Sekolah

Bil.	Nama Sekolah	Bil. Guru KH
1.	Sekolah Kebangsaan Alor Keladi, Besut, Trg.	2
2.	Sekolah Kebangsaan Alor Lintah, Besut, Trg.	2
3.	Sekolah Kebangsaan Beting Lintang, Besut, Trg.	2
4.	Sekolah Kebangsaan Bukit Jeruk, Besut, Trg.	2
5.	Sekolah Kebangsaan Felda Selasih, Besut, Trg.	2
6.	Sekolah Kebangsaan Darau Besut, Trg.	2
7.	Sekolah Kebangsaan Jabi Besut, Terengganu.	2
8.	Sekolah Kebangsaan Lubok Kawah, Besut, Trg.	2
9.	Sekolah Kebangsaan Tembila, Besut, Trg.	2
10.	Sekolah Kebangsaan Kg. Baru Tok Dor, Besut, Trg.	2
11.	Sekolah Kebangsaan Keruak, Besut, Trg.	2
12.	Sekolah Kebangsaan Padang Luas, Besut, Trg.	2
13.	Sekolah Kebangsaan Tembila, Besut, Trg.	2
14.	Sekolah Kebangsaan Tok Motong, Besut, Trg.	2
15.	Sekolah Kebangsaan Pasir Akar, Besut, Trg.	2
16.	Sekolah Kebangsaan Kuala Kubang, Besut, Trg.	2
17.	Sekolah Kebangsaan Tg. Mahmud, Besut, Trg.	2
18.	Sekolah Kebangsaan Kg. Nail, Besut, Trg.	2
19.	Sekolah Kebangsaan Tok Motong, Besut, Trg.	2
20.	Sekolah Kebangsaan Tok Raja, Besut, Trg.	2
21.	Sekolah Kebangsaan Kerandang, Besut, Trg.	2
22.	Sekolah Kebangsaan Gong Bayor, Besut, Trg.	2
23.	Sekolah Kebangsaan Kg. La, Besut, Trg.	2
24.	Sekolah Kebangsaan Oh, Besut, Trg.	2

Jumlah 24 buah sekolah = 48 orang responden

BAHAGIAN SATU: Pelaksanaan Mata Pelajaran KH Di Sekolah



Jadual 2

**Bidang yang diminati ramai dan dapat diterima**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat setuju	14	29.2	29.2	29.2
	setuju	31	64.6	64.6	93.8
	kurang setuju	3	6.3	6.3	100.0
	Total	48	100.0	100.0	

Jadual 3

**Sokongan pentadbir, sekolah, guru, ibu bapa dan murid**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat setuju	33	68.8	68.8	68.8
	setuju	15	31.3	31.3	100.0
	Total	48	100.0	100.0	

Jadual 4

**JPN, PPD dan pentadbir sediakan peruntukan alatan**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat setuju	41	85.4	85.4	85.4
	setuju	7	14.6	14.6	100.0
	Total	48	100.0	100.0	

Jadual 5

**JPN, PPD dan pentadbir membuat pemantauan**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat setuju	13	27.1	27.1	27.1
	setuju	35	72.9	72.9	100.0
	Total	48	100.0	100.0	

Jadual 6

**Pentadbir perlu beri galakan guru KH dalam R/Cipta**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	22	45.8	45.8	45.8
setuju	24	50.0	50.0	95.8
kurang setuju	2	4.2	4.2	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 7

**KH berupaya capai akademik murid-murid**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	15	31.3	31.3	31.3
setuju	30	62.5	62.5	93.8
kurang setuju	3	6.3	6.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 8

**Guru Kh ajar ikut sukatan KH KBSR**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	13	27.1	27.1	27.1
setuju	29	60.4	60.4	87.5
kurang setuju	3	6.3	6.3	93.8
tidak setuju	3	6.3	6.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 9

**Guru KH perlu kuasai bidang dalam M/Pelajaran KH**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	28	58.3	58.3	58.3
setuju	17	35.4	35.4	93.8
tidak setuju	3	6.3	6.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 10

**Guru KH perlu berfungsi bimbing dan mudahcara dalam aktiviti amali**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	24	50.0	50.0	50.0
setuju	21	43.8	43.8	93.8
kurang setuju	3	6.3	6.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 11

**Warga sekolah perlu usaha realisasikan matlamat pendidikan KH**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	28	58.3	58.3	58.3
setuju	20	41.7	41.7	100.0
Total	48	100.0	100.0	

**RUMUSAN****Rumusan dari Jadual 2 hingga Jadual 11**

Dari Jadual 2 didapati 45 (93.8) responden bersetuju menyatakan mata pelajaran KH diminati oleh murid dan dapat diterima sebagai aktiviti harian dalam hidup seharian manakala hanya 3 (6.2%) responden sahaja yang kurang setuju.

Dari jadual 3 pula didapati kesemua 48 (100%) bersetuju menyatakan pihak pentadbir sekolah, guru-guru, murid dan ibubapa perlu memberi sokongan kepada pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah.

Jadual 4 pula didapati kesemua 48 (100%) bersetuju bahawa pihak JPN, PPD dan pentadbir sekolah perlu menyediakan peruntukan kewangan untuk membeli alatan KH.

Begitu juga Jadual 5 menunjukkan bahawa kesemua 48 (100%) bersetuju pihak JPN, PPD dan Pentadbir sekolah perlu membuat pemantauan pelaksanaan mata pelajaran KH.

Dari jadual 6 di dapati 46 (95.8%) responden bersetuju menyatakan pihak pentadbir perlu memberi galakan kepada guru KH dan murid dalam aktiviti yang bercorak kemahiran seperti pertandingan RC. Hanya 2 (4.2 %) sahaja responden yang kurang bersetuju.

Jadual 7 pula menunjukkan 45 (93.8%) bersetuju menyatakan mata pelajaran KH berupaya membantu pencapaian akademik murid-murid. Manakala hanya 3 (6.2%) responden yang kurang bersetuju.

Manakala jadual 8 menunjukkan 45 (93.8%) bersetuju guru-guru KH sentiasa mengajar mengikut sukatan pendidikan KH KBSR. Masih terdapat 3 (6.2%) mengatakan tidak setuju.

Jadual 9 pula menunjukkan 45 (93.8%) responden mengatakan guru-guru KH perlu menguasai kemahiran dalam bidang- bidang yang terdapat dalam mata pelajaran KH. Masih terdapat 3 (6.2%) responden kurang bersetuju.

Dari jadual 10 pula menunjukka 45 (93.8%) responden mengatakan guru-guru KH perlu berfungsi sebagai pembimbing dan pemudah cara dalam mengendalikan aktiviti amali (projek). Manakala 3 (6.2%) responden mengatakan kurang bersetuju.

Akhirnya dari jadual 11 didapati 48 (100%) bersetuju mengatakan seluruh warga sekolah perlu berusaha kearah merialisasikan matlamat pendidikan KH di sekolah.

## BAHAGIAN DUA: Pengaruh Kurikulum Pendidikan KH Terhadap Perkembangan JERI Murid

Jadual 12

### Statistiks

		Pendidikan KH menjadikan murid amal sifat benar dan jujur	Pendidikan KH pupuk sikap saling kerjasama	Pendidikan KH menjauhkan murid dari sifat sombong, riak dan bangga diri	Pendidikan KH Jauhkan diri daripada dadah, vandalism dan pergaulan bebas	Pendidikan KH dapat bantu kembang minda murid	Pendidikan KH bantu perkembangan murid secara seimbang	Pendidikan KH tingkatkan kecekapan berbahasa untuk komunikasi berkesan
N	Valid	48	48	48	48	48	48	48
	Missing	0	0	0	0	0	0	0
Mean		1.79	1.63	1.69	2.04	1.40	1.73	1.98
Percentiles	100	93.80	100.00	100.00	75.00	100.00	95.90	77.10
	1 and 2							

### Rumusan dari Jadual 12

Dari Jadual 12, pengkaji hanya mengambil dua skala likert sahaja iaitu 1= Sangat Setuju dan 2= Setuju, Manakala 3= Kurang Setuju kita abaikan kerana keyakinan responden amat rendah. Dari jadual didapati 93.8% responden bersetuju menyatakan pendidikan KH menjadikan murid mengamalkan sifat benar dan manakala hanya 16.2% responden sahaja yang kurang setuju. 100% responden bersetuju menyatakan pendidika KH dapat memupuk sikap saling bekerjasama. 100% responden juga bersetuju mengatakan pendidikan KH dapat menjauhkan murid dari sifat sombong, riak dan bangga diri. Dari jadual juga didapati 75% responden bersetuju mengatakan pendidikan KH dapat menjauhkan diri murid daripada dadah, vandalism dan pergaulan bebas, 100% responden bersetuju mengatakan pendidikan KH dapat membantu perkembangan minda murid. Bagi soalan seterusnya berkaitan dengan perkembangan JERI murid didapati 95.9% responden bersetuju mengatakan pendidikan KH dapat bantu perkembangan murid secara seimbang dan 77.1% responden bersetuju mengatakan pendidikan KH dapat meningkatkan kecekapan berbahasa untuk komunikasi berkesan.

### Sebab-Sebab Mata Pelajaran KH Tidak Dapat Dilaksanakan Mengikut Jadual

Jadual 13

#### KH diganti dengan m/pelajaran peperiksaan tahun 6

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	7	14.6	14.6	14.6
setuju	9	18.8	18.8	33.3
kurang setuju	12	25.0	25.0	58.3
tidak setuju	3	6.3	6.3	64.6
sangat tidak setuju	17	35.4	35.4	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 14

#### Mengutamakan pencapaian akademik semata-mata

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid setuju	10	20.8	20.8	20.8
kurang setuju	11	22.9	22.9	43.8
tidak setuju	11	22.9	22.9	66.7
sangat tidak setuju	16	33.3	33.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 15

**Merasakan tekanan dari pihak lain yang inginkan kecemerlangan akademik**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	13	27.1	27.1	27.1
setuju	26	54.2	54.2	81.3
kurang setuju	9	18.8	18.8	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 16

**Memastikan pencapaian akademik pada tahap cemerlang**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	26	54.2	54.2	54.2
setuju	19	39.6	39.6	93.8
tidak setuju	3	6.3	6.3	100.0
Total	48	100.0	100.0	

Jadual 17

**Pentadbir izinkan guru KH ajar m/pelajaran peperiksaan**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat setuju	8	16.7	16.7	16.7
setuju	19	39.6	39.6	56.3
kurang setuju	10	20.8	20.8	77.1
tidak setuju	6	12.5	12.5	89.6
sangat tidak setuju	5	10.4	10.4	100.0
Total	48	100.0	100.0	

**Rumusan dari jadual 13 hingga 17**

Dari jadual 13 hingga 17 responden menyatakan sebab-sebab mata pelajaran KH tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. 38 (58.4%) responden bersetuju mengatakan jadual KH telah diganti dengan mata pelajaran lain untuk tahun 6. 32 (66.6%) responden bersetuju mengatakan pihak sekolah mengutamakan pencapaian akademik semata-mata. Manakala 48 (100%) responden bersetuju mengatakan tekanan dari pihak lain yang inginkan kecemerlangan akademik, pihak sekolah ingin memastikan pencapaian akademik pada tahap cemerlang dan

37 (77.1%) responden pula bersetuju mengatakan pihak pentadbir guru KH mengajar mata pelajaran peperiksaan.

### CADANGAN

Kajian ini telah mengenalpasti pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah di daerah Besut, Terengganu. Dari kajian yang dibuat pengkaji mencadangkan agar:

- i. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah sentiasa membuat pemantauan ke atas pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah dan sentiasa memberi sokongan terhadap program KH yang dijalankan di sekolah rendah.
- ii. Pentadbir sekolah haruslah sentiasa memberi sokongan yang padu dan peka terhadap keperluan-keperluan yang diperlukan terhadap pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah.
- iii. Guru KH sebagai pelaksana program mata pelajaran KH di sekolah haruslah sentiasa memberi input-input yang dirancang oleh kurikulum dan meningkatkan diri untuk kaedah-kaedah yang terkini dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### PENUTUP

Memandangkan kepentingan perkembangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah sangat penting pada diri setiap individu pelajar, kajian yang lebih luas dan menyeluruh perlu dijalankan untuk mencari, membantu dan meneruskan kejayaan murid-murid diperingkat sekolah rendah.

Kajian ini merintis jalan untuk kajian-kajian selanjutnya yang berkaitan dengan pelaksanaan mata pelajaran KH di sekolah rendah. Diharapkan pada masa akan datang, kualiti dan kuantiti kajian yang berkaitan dengan topik ini akan dipertingkatkan.

Pengkaji juga mengharapkan kajian ini dijalankan terhadap mata pelajaran lain yang bukan mata pelajaran peperiksaan UPSR agar hasilnya lebih relevan dan mengukuhkan bukti yang mengatakan mata pelajaran bukan UPSR tidak dititikberatkan terutama kepada pelajar tahun 6.

### BIBLIOGRAFI

- David A. Williams (1999). *Using out-of-class time in educationally purposeful ways*. Journal of Music Teacher Education. Reston: Fall
- Delores R. Gauthier (2005). *Children's Literature in the Classroom: Finding the Within* docators. Reston: Jan
- Merriam, Sharan B. and Associates. (2002). *Qualitative Research in Praticce – Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco: Jossey-Bass
- Mok Song Sang & Lee Shok Mee (1986). *Kurikulum Baru Sekolah Rendah Tahap I* Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Patricia Scehan Campbell (2002). *Music Education in a Time of Cultural Transformation*. Music Educators Journal: Reston.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Huraian Sukatan Pendidikan KH Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: PPK
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Sukatan Pendidikan KH Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: PPK